



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : HISTORY OF ARCHITECTURE & DESIGN 1
KOD KURSUS : IDD1053
PEPERIKSAAN : JANUARI 2024
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **15** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.


1. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai kehidupan era pra sejarah (Paleolitik).
 - A Manusia hidup secara nomad dan berkumpulan.
 - B Manusia menyembah dewa-dewa sebagai Tuhan.
 - C Manusia membina rumah kecil untuk perlindungan.
 - D Manusia menternak haiwan dan tumbuhan untuk makanan.

2. Manakah antara berikut adalah bahan binaan utama bagi bangunan Mesir ?
 - A Konkrit dan simen.
 - B Konkrit dan batu bata.
 - C Batu kapur dan granite.
 - D Batu kapur dan batu lumpur.

3. Stonehenge ialah salah satu binaan zaman Gangsa dan Neolitik yang terletak di Wiltshire, England. Pilih pernyataan yang betul mengenai kegunaan binaan megalit ini pada zaman tersebut.
 - i. Binaan untuk menentukan perkiraan masa
 - ii. Binaan digunakan untuk penyembahan dewa
 - iii. Binaan digunakan untuk tempat perbincangan forum
 - iv. Binaan digunakan untuk menentukan aktiviti bercucuk tanam
 - A i, ii
 - B i, iv
 - C ii, iii
 - D ii, iv


4. Ciri-ciri seni bina Greek dipengaruhi oleh
- i. Iklim maritim yang memerlukan banyak ruang terbuka
 - ii. Seni bina Roman yang inovatif dalam bidang pembinaan
 - iii. Kawasan peletakan seni bina mengikut prioriti fungsi binaan tersebut
 - iv. Kedudukan geografi yang dikelilingi gunung berbatu dan persisiran pantai

- A i, ii, iii
B i, iii, iv
C ii, iii, iv
D i, ii, iii, iv



Gambar rajah A

5. Orang Roman merupakan *innovator* terbaik yang meneruskan penambahbaikan struktur seni bina daripada zaman Greek. Namakan jenis tiang ciptaan zaman Roman pada Gambar rajah A.
- A *Roman Doric.*
B *Roman Ionic.*
C *Roman Tuscan.*
D *Roman Composite.*




Soalan 6 dan 7 berdasarkan **Carta 1**

6. Apakah nama gaya seni bina 'X' bagi Carta 1?
- A Mesir.
 - B Gothic.
 - C Byzantine.
 - D Romanesque.
7. Berikan nama penyokong vault 'Y' yang digunakan dalam binaan bangunan gaya seni bina 'X' ini.
- A *Flying truss.*
 - B *Flying piers.*
 - C *Flying buttress.*
 - D *Flying butterfly.*


8. Antara berikut, pilih kenyataan yang **benar** tentang ciri-ciri seni bina Romanesque.
- Bukaan tingkap kecil
 - '*Flying buttress*' sebagai struktur sokongan
 - Banyak menggunakan *barrel vault*
 - Bentuk menara yang berbentuk seperti tanglung

- A i, ii, iii
B i, ii, iv
C i, iii, iv
D i, ii, iii, iv



Gambar rajah B

9. Apakah gaya seni bina bagi hasil arca Gambar rajah B?
- Greek.
 - Roman.
 - Romanesque.
 - Mesopotamia.




Gambar rajah C


10. Seni bina Mesir, Greek dan Gothic banyak menggunakan simetri, perkadaran, bentuk geometrik dan persamaan dalam binaan bangunan sama seperti kolonial. Berikan nama bagi perkadaran yang digunakan dalam Gambar rajah C.
- A Nisbah perak.
 B Nisbah keemasan.
 C Nisbah kesamaan.
 D Nisbah perkadaran.
11. Antara berikut, pilih elemen-elemen yang **betul** menunjukkan ciri-ciri seni bina kolonial.
- i. Penggunaan dinding parapet dengan kornis
 ii. Profil bangunan menggunakan bumbung gable dan gambrel
 iii. Penggunaan elemen gerbang acuan dengan bingkai jendela *fanlight*
 iv. Penggunaan adaptasi elemen-elemen daripada seni bina Romanesque
- A i, ii, iii
 B i, ii, iv
 C i, iii, iv
 D i, ii, iii, iv

12. Berikut merupakan hasil inovasi semasa Revolusi Industri pertama **kecuali**


A




C



B




D



13. Pilih ciri-ciri yang **benar** mengenai seni bina *Art and Craft Movement*.


- A Pertembungan dua budaya dan gaya seni bina.
- B Pergaulan bebas antara pereka silam dan moden.
- C Perincian ukiran dengan motif semula jadi flora dan fauna.
- D Penggunaan warna-warna terang dan berani untuk menonjolkan idea.



Gambar rajah D


14. Apakah jenis tingkap dalam Gambar rajah D?
- A *Lunette window.*
 - B *Fanlight window.*
 - C *Jalousie window.*
 - D *Palladian window.*
15. Antara berikut, pilih kenyataan yang **benar** tentang ciri rumah *Usonian style* yang direka pada era Frank Lloyd Wright.
- i. Profil bangunan yang mendatar
 - ii. Bersaiz lebih kecil daripada rumah *Prairie style*
 - iii. Contoh bangunan bagi ciri *Usonian style* yang sebenar adalah Falling Water
 - iv. Bahan binaan yang digunakan lebih murah berbanding gaya *Prairie* dan *Shingle*
- A i, ii, iii
 - B i, ii, iv
 - C i, iii, iv
 - D i, ii, iii, iv

16. Nyatakan prinsip yang digunakan oleh gaya seni bina *International Style*.
- A *Machines for living.*
 - B *Form and function are one.*
 - C *Excessive, sophistication and wealth.*
 - D *Simplification, honesty, and clarification.*



Soalan 17 dan 18 berdasarkan **Gambar rajah E**

17. Gambar rajah E menunjukkan kerusi rekaan arkitek tersohor Mies van der Rohe. Apakah nama kerusi rekaan arkitek tersebut?
- A *Brno Chair.*
 - B *Wassily Chair.*
 - C *Frank Gehry Chair.*
 - D *The Barcelona Chair.*
18. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai idea rekaan kerusi pada Gambar rajah E.
- A Rekaan kerusi tidak semestinya berkaki empat.
 - B Rekaan kerusi mestilah ringan dan mudah dipasang.
 - C Rekaan kerusi tidak semestinya tradisional dan klasik.
 - D Rekaan kerusi mestilah ringkas dan menggunakan bahan kontemporari.



Gambar rajah F

19. Gambar rajah F merupakan Guggenheim Museum oleh Frank Gehry. Nyatakan gaya *Deconstruction* bagi bangunan tersebut.
- A Organik (*Organic*).
 - B Berbucu (*Angular*).
 - C Berlapis (*Layering*).
 - D Huru-hara (*Chaos*).
20. Pernyataan di bawah adalah **benar** mengenai gaya Memphis **kecuali**
- A Produk dihasilkan sekali sahaja.
 - B Memperkenalkan gaya '*kitcsh*' dalam reka bentuk.
 - C Penggunaan warna-warna terang dan bercanggah.
 - D Menggunakan bahan dan teknik berteknologi tinggi.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Terangkan maksud seni bina.

(2 markah)

b. Jelaskan proses penghasilan batu lumpur bagi tamadun Mesir Purba.

(4 markah)

c. Berikan **dua (2)** perbezaan antara seni bina Mesopotamia dan seni bina Mesir purba.

(4 Markah)

SOALAN 2

a. Senaraikan **dua (2)** binaan yang terkenal bagi seni bina Roman dan berikan keterangan mengenainya.

(2 markah)

b. Jelaskan **dua (2)** perbezaan antara seni arca bagi tamadun Greek dan tamadun Roman dalam bentuk jadual.

(4 markah)

c. Lakarkan dan berikan keterangan mengenai struktur di bawah:

i. *Flying buttress*

ii. *Piers*

(4 markah)

SOALAN 3

a. Nyatakan prinsip gaya seni bina Frank Lloyd Wright.

(2 markah)

b. Terangkan **dua (2)** perbezaan gaya seni bina antara *Prairie style* dan *Usonian style*.

(4 markah)

c. Lakarkan

i. *Parapet wall with cornice*.

ii. Bumbung gambrel.

(4 Markah)

SOALAN 4

Gambar rajah F

Gambar rajah F merupakan bangunan The Chrysler yang terletak di New York telah direka bentuk menggunakan salah satu gaya seni bina pada era 1900-an.

a) Nyatakan gaya seni bina tersebut.

(2 markah)

b) Senaraikan **empat (4)** ciri gaya seni bina tersebut dan terangkan setiap satunya.

(8 markah)

SOALAN 5

- a. Terangkan faktor kemunculan gerakan gaya seni *Postmodernism*.
(2 markah)
- b. Berikan **empat (4)** contoh binaan di Malaysia yang menggunakan gaya seni *Postmodernism*.
(2 markah)
- c. Huraikan **tiga (3)** perbezaan di antara *Modernism* dan *Postmodernism* dalam bentuk jadual.
(6 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru merupakan salah satu bangunan bercirikan seni bina Kolonial yang dibina pada tahun 1892 – 1900.

Berdasarkan pemahaman anda, lakarkan **satu (1)** fasad hadapan sebuah bangunan yang menunjukkan elemen seni bina kolonial. Kemudian, dengan menggunakan bantuan rajah anak panah, nyatakan **lima (5)** elemen seni bina Kolonial pada lakaran fasad bangunan tersebut seperti berikut :

- i. *Pilaster Doric*.
- ii. Dinding *Ashlar*.
- iii. Bumbung tebar layar (*gable roof*).
- iv. Dinding parapet dengan kornis.
- v. Gerbang acuan dengan tingkap berbingkai *fanlight*.

(15 markah)

SOALAN 2

Piet Mondrian merupakan penyumbang terbesar bagi gaya seni *De Stijl* iaitu gerakan seni abad ke-20 yang muncul pada hujung Perang Dunia Pertama. Berdasarkan pemahaman anda, dengan bantuan lakaran huraikan ciri-ciri yang digunakan dalam gerakan seni *De Stijl* bagi kategori berikut:

- i. Seni bina
- ii. Seni catan atau corak
- iii. Perabot

(15 markah)

SOALAN 3

Seni bina *High Technology* dikenali juga sebagai *Late Modernism* dan *Structural Expressionism*.

a. Huraikan konsep *bowellism*.

(3 markah)

b.



Gambar rajah G

Gambar rajah G yang menunjukkan bangunan The Gherkin yang terletak di London merupakan salah satu bangunan yang direka oleh arkitek terkenal, Norman Foster. Dengan bantuan lakaran, huraikan **lima (5)** konsep rekaan seni bina bangunan berkenaan yang menjadikan ia sebagai contoh terbaik bagi bangunan berteknologi tinggi.

(12 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

•

C

C

